



1. **PEGAWAI OPERESEN  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

- i. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Penerbangan / Perundangan / Pentadbiran dan Pengurusan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- ii. Pemegang Lesen Juruterbang Perdagangan (*Commercial Pilot Licence With Instrument Rating*) dari United Kingdom atau negeri yang diiktiraf oleh Negara Brunei Darussalam dan mempunyai *type rating* bagi kapal terbang Jet perdagangan dan jentera. Keutamaan diberikan kepada mereka yang mempunyai '*Types*' yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

**ATAU**

- iii. Pemegang Lesen Juruterbang Pemeliharaan Kapal Terbang United Kingdom atau negeri-negeri yang diiktiraf oleh Jabatan Penerbangan Awam Negara Brunei Darussalam dan mempunyai dua *type rating*. Keutamaan diberikan kepada mereka yang mempunyai *types rating* yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

b) **TANGGAGAJI B.2:**

- i. BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pentadbiran dan Pengurusan atau bidang yang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.



**ATAU**

- ii. Sedang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Pembantu Operesen dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 8 tahun.

**ATAU**

- iii. Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian yang berkaitan dengan Pentadbiran dan Pengurusan dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
  3. Mempunyai pengetahuan mengenai dengan peraturan dan undang-undang Penerbangan Awam adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI OPERESEN:**

1. Melapor diri kepada Ketua Pegawai Operesen.
2. Mengawal perkembangan pembangunan di kawasan Lapangan Terbang dan di sekitarnya.
3. Mengawal pengangkutan barang merbahaya dan senjata api di dalam pesawat terbang yang berdaftar di Negara ini.
4. Mengawal kemantapan infrastruktur Lapangan Terbang Antarabangsa [Landasan (*Runway*) Laluan Landasan (*Taxiway*) dan sebagainya].
5. Mengawal keselamatan penerbangan dan operasi yang berhubungkait dengan pergerakan penerbangan.
6. Membantu pemeriksaan penerbangan dan laluan penerbangan.
7. Meneliti permohonan pendaftaran pesawat terbang.
8. Meneliti permohonan Sijil Layak Terbang dan pembaharuan Sijil Layak Terbang.



9. Meneliti permohonan '*Air Operators Certificate*'.
10. Membuat penyiasatan nahas dan insiden udara.